

## Membaca Alkitab dari hati Gereja

### Mesej Hari Minggu Firman Tuhan 2022

Sarah sedang belajar di universiti apabila dia mula membaca Alkitab secara serius buat kali pertama selepas bertemu dengan Tuhan secara peribadi. Semasa dia membuka halaman Alkitab, entah bagaimana, dia tahu bahawa dia sedang berhubung dengan Tuhan dalam Gereja. Walaupun kemahirannya terhad dalam menafsirkan Alkitab, namun dia tidak tersilap kerana dia tidak membaca Alkitab secara berasingan, tetapi dalam persekutuan dengan Gereja, iaitu: apa yang dia pelajari dari homili mingguan, kelas katekismus, nyanyian pujian Kristian, pembelajaran Alkitab, pembentukan iman, rakan-rakan seiman Katolik, dan rakan-rakan seiman Kristian berkumpul untuk membantu memahami apa yang dibacanya dalam Alkitab, walaupun sudah tentunya terdapat beberapa petikan masih sukar untuk difahami.

Namun, dengan kemunculan media sosial, dia telah terdedah kepada sumber maklumat yang lebih luas, kebanyakannya bercanggah dengan apa yang dia percayai sejak usia mudanya. Pada mulanya, dia menemui hujah-hujah yang bercanggah yang berasal dari sumber-sumber bukan Katolik atau bahkan anti-Katolik. Ini hanya mendorongnya untuk belajar lebih banyak lagi tentang iman Katoliknya supaya dia boleh memberikan penjelasan yang munasabah tentang imannya (rujuk 1 Petrus 3:15). Walau bagaimanapun, baru-baru ini, dan dengan kekerapan yang semakin meningkat, dia telah mendengar hujah yang bercanggah dari dalam Gereja sendiri, malahan dari kalangan pihak berkuasa Gereja. Mereka bertanyakan perkara seperti, "Adakah Yesus benar-benar berkata demikian?". Ada juga yang mempersoalkan sama ada ajaran Alkitab itu betul mengenai isu-isu semasa. Nampaknya ramai orang tidak lagi percaya bahawa Alkitab adalah firman Tuhan yang ditulis berdasarkan wewenang dari Tuhan.

Nasib baik, beberapa orang rakan Sarah membantunya membaca Alkitab menurut pandangan Gereja. Ini bermakna ada tiga perkara yang mendasarinya: 1) membaca Alkitab dengan rasa hormat dan kepercayaan, bukan dengan syak wasangka; 2) menafsirkan apa yang kita baca dari Alkitab menurut pemahaman yang teruji oleh masa tentang Tradisi Suci Gereja seperti yang dinyatakan dalam Liturgi, Bapa Gereja, para Pujangga Gereja dan Para Kudus, dan dimurnikan di dalam Katekismus Gereja Katolik (KGK); dan 3) belajar daripada Alkitab sebagai murid Yesus Kristus, yang dengan ikhlas cuba belajar daripada sang Guru.

Akhirnya, membaca Alkitab seharusnya membantu kita untuk menemui Yesus Kristus, Firman Tuhan yang hidup. Pertemuan sebegini boleh diibaratkan seperti orang yang kehausan yang menemui mata air yang melimpah ruah<sup>1</sup>. Setiap kali seseorang haus, seseorang itu boleh minum sebanyak yang boleh diminumnya, tetapi masih terdapat banyak air yang tersisa; dan ini adalah perkara yang baik yang patut disyukuri. Jika mata air telah kering, tidak akan ada lagi air untuk menghilangkan dahaga yang menyusul.

---

<sup>1</sup> Ruj. Ulasan tentang *Diatessaron* (dokumen yang cuba menyelaraskan empat Injil (Matius, Markus, Lukas dan Yohanes) oleh Santo Efrem, diakon (rujuk Ibadat Harian (Brevir), Ibadat Bacaan, Hari Minggu ke-6 Masa Biasa).